

Dato' Lela Bakti
Setiausaha Sulit Kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor

Dato' Lela Bakti
Private Secretary to H.R.H. The Sultan of Selangor

Istana Alam Shah
41500 Klang, Selangor,
Malaysia



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015
Registration No : AR 5085

بِقَابِ دَوْلِي بِنِغِ مَهَامُ لِيَا سُلْطَانِ سِلَاغُورِ

KENYATAAN AKHBAR DYMM SULTAN SELANGOR

Saya telah dititah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk mengeluarkan kenyataan ini susulan laporan akhbar yang tular di media sosial baru-baru ini yang memetik kenyataan **dua orang Mufti dan seorang ahli politik** yang menyentuh tentang agihan wang kutipan zakat kepada orang bukan Islam di Negara ini.

Seperti yang kita sedia maklum, tanggungjawab membayar zakat adalah merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang wajib dipatuhi oleh setiap umat Islam.

Berkaitan dengan isu agihan zakat ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah mendapat nasihat daripada Sahibus Samahah Dato' Mufti Selangor bahawa agihan zakat kepada bukan Islam **dibolehkan hanya sekiranya ianya menjadi penyebab individu terbabit memeluk Islam di bawah asnaf *Mu'allafati Qulubuhum***.

Sehubungan dengan itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menegaskan bahawa mengikut agama Islam kutipan zakat hendaklah diagihkan kepada lapan golongan asnaf, termasuk asnaf fakir, miskin dan mu'allaf (saudara baru) dari kalangan umat Islam sahaja.

Walaupun agama Islam adalah agama yang menekankan sifat-sifat perikemanusiaan tetapi agihan zakat yang diperolehi daripada umat Islam hendaklah diberi kepada lapan golongan asnaf dari kalangan umat Islam terutama yang miskin dan memerlukan bantuan terlebih dahulu.

Di Negeri Selangor ini, masih ramai orang Islam yang miskin di luar Bandar dan juga miskin Bandar yang perlu dibantu menggunakan hasil kutipan zakat. Ini kerana di Negeri Selangor, majoriti rakyatnya beragama Islam dan jumlah penduduk Islam semakin bertambah setiap tahun.

Bagi orang-orang miskin yang bukan beragama Islam adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk membantu dan menolong mereka menerusi jabatan-jabatan dan agensi yang telah ditetapkan.

...2/-

Istana Alam Shah

Tel : 603-3371 3411

Fax : 603-3371 6969

Email : pejabatdymsultanselangor@yahoo.com

Istana Bukit Kayangan

Tel : 603-5519 3232

Fax : 603-5510 6287

Istana Mesjid

Tel : 603-5519 4242


Fax : 603-5519 8181

Email : istanamesjid@yahoo.com.my

Baginda juga ingin mengingatkan di sini bahawa fungsi zakat dan cukai pendapatan (*income tax*) adalah berbeza. Oleh itu diharap masyarakat dapat memahami dengan jelas tujuan setiap badan itu ditubuhkan.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor meminta supaya isu berkaitan dengan pengagihan zakat ini tidak lagi diperdebatkan secara terbuka di media massa. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyeru agar tiada pihak yang mengambil kesempatan menggunakan isu-isu berkaitan dengan agama Islam untuk meraih populariti, atau untuk mengambil hati mana-mana pihak tertentu.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menegaskan sekali lagi bahawa **hasil kutipan zakat di Negeri Selangor akan kekal diagihkan kepada lapan golongan asnaf di kalangan umat Islam.**



**Dato' Haji Mohamad Munir Bin Bani D.P.M.S., J.S.D.
Dato' Lela Bakti Setiausaha Sulit
kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**

4 November 2019